Kemusnahan kawasan hutan menyebabkan peningkatan suhu setempat dan haiwan liar diancam kepupusan. Penyahutan ialah penghapusan hutan secara besar-besaran untuk pelbagai tujuan seperti pembalakan, pembukaan ladang pertanian dan pembinaan kawasan petempatan.
- 10 **A**
$$\begin{aligned} F &= \text{Suhu Bulanan Tertinggi} - \text{Suhu Bulan Terendah} = \text{Julat Suhu Tahunan} \\ &= \text{Suhu Bulan Julai} - \text{Suhu Bulan Disember} \\ &= 33^{\circ}\text{C} - 22^{\circ}\text{C} \\ &= 11^{\circ}\text{C} \end{aligned}$$
- 11 **C**
Kemusnahan hutan boleh menyebabkan peningkatan suhu setempat dan kejadian tanah runtuh berlaku kerana permukaan tanah terdedah dan tiada akar yang dapat mencengkam tanah akibat aktiviti pembalakan.
- 12 **B**
Tumbuh-tumbuhan semula jadi yang bertanda **X** ialah Hutan Hujan Tropika manakala tumbuh-tumbuhan semula jadi yang bertanda **Y** ialah Hutan Konifer. Persamaan ciri tumbuhan semula jadi **X** dan **Y** ialah malar hijau.

- 13 A**
Ciri Hutan Konifer ialah kanopi pokok berbentuk kon untuk mengelakkan salji berkumpul di atasnya dan malar hijau iaitu pokok-pokok kekal berdaun sepanjang tahun.
- 14 D**
Langkah-langkah pemeliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar ialah mewartakan hutan simpan dan taman negara melalui penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984. Hutan ini diwujudkan untuk perlindungan sumber hutan, hutan lipur dan hutan penyelidikan dan pembangunan. Antara taman negara yang diwartakan di Malaysia ialah Taman Negara Pulau Pinang (Pulau Pinang), Taman Negara Endau Rompin (Johor), Taman Negara Tanjung Datu (Sarawak) dan Taman Negara Tunku Abdul Rahman (Taman Laut) (Sabah).
- 15 C**
Kemiskinan tanah berlaku kerana tanah menjadi berasid dan tanah menjadi kurang subur kerana kekurangan nutrien. Penggunaan jentera moden digantikan teknologi hijau dapat mengurangkan kemusnahan struktur tanah yang menyebabkan pemiskinan tanah.
- 16 B**
Antara hutan simpan yang diwartakan di Malaysia ialah Hutan Simpan Serting, Negeri Sembilan, Hutan Simpan Beserah, Pahang dan Hutan Simpan Bukit Tapah, Perak dan Pendidikan Alam Sekitar sebagai cara untuk mengawal kemusnahan alam sekitar.
- 17 B**
Hutan paya bakau merupakan habitat hidupan laut seperti ikan, ketam dan udang. Pelbagai hidupan akuatik dapat berlindung daripada ombak yang kuat dicelah-celah akar pokok bakau. Anak-anak ikan juga dapat bersembunyi dan mengelakkan diri daripada dimakan oleh hidupan lain.
- 18 C**
Hutan Konifer tumbuh di kawasan yang beriklim sejuk sederhana kebenuaan (Siberia). Antara kawasan Hutan Konifer ialah di utara benua Asia, Kanada Utara dan utara Eropah. Hutan ini dikenali sebagai Taiga di Siberia dan Boreal di Eropah. Hutan konifer tumbuh di zon iklim sejuk sederhana yang menerima hujan tahunan antara 500 mm hingga 1000 mm dan suhu sederhana panas pada musim panas, antara 12° C hingga 23° C.
- 19 D**
Pelbagai hidupan akuatik dapat berlindung daripada ombak yang kuat dicelah-celah akar pokok bakau. Kesan terhadap alam sekitar sekiranya aktiviti tebus guna dijalankan di kawasan hutan paya bakau ialah berlaku kemusnahan hidupan akuatik.
- 20 B**
Penduduk di kawasan pedalaman yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah sukar untuk menerima dan memahami idea baharu seperti program perancang keluarga.
- 21 C**
Bagi menangani kadar kelahiran yang tinggi, kerajaan perlu menggalakkan wanita berpendidikan tinggi seterusnya berkerjaya. Trend bagi negara maju beranggapan anak yang ramai akan menyekat kebebasan hidup dan kecemerlangan kerjaya mereka.
- 22 B**
Kawasan yang padat penduduk akan mengalami masalah pencemaran seperti pencemaran udara, air dan bau.
- 23 B**
$$\begin{aligned} &= \text{Kadar Kelahiran} - \text{Kadar Kematian} = \text{Kadar Pertumbuhan Penduduk Semulajadi} \\ &= 2.45 \% - 0.44 \% \\ &= 2.01\% \end{aligned}$$
- 24 C**
Kawasan gurun panas seperti Gurun Sahara (Afrika Utara) adalah berpenduduk jarang.

- 25 B**
Pulau haba berlaku disebabkan oleh peningkatan suhu sesebuah bandar berbanding suhu di kawasan sekitar kerana kekurangan tumbuh-tumbuhan. Bangunan konkrit dan permukaan berturap menyerap dan menyimpan haba. Bangunan yang dibina rapat, berkaca dan bercermin memerangkap haba.
- 26 D**
Aktiviti perlombongan seperti perlombongan bijih timah menggalakkan urbanisasi awal di Seremban (Negeri Sembilan), Kuala Lumpur, Ipoh dan Taiping (Perak).
- 27 D**
Kegiatan pertanian yang melibatkan penebangan pokok menyebabkan kawasan cerun bukit terdedah, mudah terhakis dan tanah menjadi longgar kerana akar tidak dapat mencengkam tanah. Tanah runtuh sering berlaku di lereng bukit akibat pembinaan lebuh raya dan pembukaan kawasan pertanian.
- 28 C**
Proses urbanisasi yang pesat di bandar-bandar besar telah mengubah landskap bandar dengan terbinanya bangunan-bangunan tinggi kerana kekurangan tanah dan kos tanah yang tinggi. Contoh Kuala Lumpur.
- 29 A**
Faktor yang menyebabkan wujudnya ciri fizikal petempatan di bandar raya Kuala Lumpur ialah taburan penduduk semakin padat. Penghijrahan pekerja asing ke bandar-bandar utama menyebabkan berlakunya kepadatan penduduk di bandar-bandar tersebut seperti Kuala Lumpur (Malaysia) dan Canberra (Australia).
- 30 C**
Faktor-faktor yang mempengaruhi proses urbanisasi di Malaysia ialah migrasi masuk ke sesuatu bandar kerana peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan.
- 31 B**
Bandar pelabuhan yang mengendalikan eksport dan import barangan. Menyediakan kemudahan kontena, gudang, dermaga dan limbungan untuk membaiki kapal. Contoh di (X) Pelabuhan Pasir Gudang (Johor) dan (Y) Pelabuhan Labuan (Sabah).
- 32 C**
Keperluan terhadap sumber tenaga alternatif semakin meningkat sehingga penerokaan terhadap tenaga hidroelektrik berlaku di kebanyakan negara. Pembinaan empangan untuk menjana tenaga hidroelektrik.
- 33 D**
Ciri-ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di Hutan Monsun Tropika iaitu hutan yang jarang dan berlapis-lapis tetapi tidak begitu nyata. Pokok berkayu keras, berdaun lebar dan berakar tunjang serta tumbuh antara 20 meter hingga 30 meter. Manakala daun pokoknya gugur pada musim kering. Antaranya ialah pokok jati dan penaga.
- 34 A**
Kegiatan ekonomi sekunder terdiri daripada industri pemprosesan dan pembuatan. Terdapat dua jenis industri iaitu industri berasaskan sumber dan industri bukan berasaskan sumber. Menggunakan bahan mentah yang dihasilkan daripada kegiatan ekonomi primer seperti kelapa sawit, getah, bijih timah dan petroleum.
- 35 A**
Pemendapan terjadi apabila air sungai tidak berupaya mengangkut bahan-bahan yang dibawa. Pemendapan berlaku di hilir sungai dan bentuk muka bumi kesan daripada pemendapan sungai ialah tetambak dan delta.
- 36 A**
Tenaga boleh baharu seperti tenaga suria, tenaga angin dan tenaga ombak lebih mesra alam dan tidak akan habis. Secara tidak langsung, ini dapat menjamin bekalan sumber tenaga yang berterusan kepada pengguna dan mengekalkan sumber bahan api fosil untuk generasi akan datang.

37 **C**

Sumber tenaga tidak boleh baharu merupakan tenaga yang tidak boleh ditambah, digantikan atau diperbaharu. Sumber tenaga ini terhad dan akan kehabisan pada masa akan datang. Sumber tenaga ini terdiri daripada bahan api fosil seperti petroleum, gas asli dan arang batu.

38 **A**

Aktiviti pembangunan tanpa kawalan akan menjejaskan keseimbangan pinggir pantai dan turut memusnahkan sumber semula jadi di kawasan sekitar. Kerajaan Malaysia mewartakan taman laut bagi memelihara hidupan laut.

39 **C**

Kegiatan Ekonomi Tertier ialah melibatkan aktiviti perkhidmatan. Contohnya pelancongan, pengangkutan, pendidikan, kewangan dan telekomunikasi.

40 **D**

Tanah beralun sesuai untuk penanaman getah dan kelapa sawit seperti di Segi Tiga Jengka, Malaysia manakala tanah laterit yang bersaliran baik sesuai untuk penanaman kelapa sawit seperti di Segi Tiga Jengka, Malaysia dan Kalimantan, Indonesia.

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	123°	2 [Maksimum: 2 markah]
1(b) (i)	48 Bukit Tagar	1 [Maksimum: 1 markah]
1(b) (ii)	RG838646	2 [Maksimum: 2 markah]
1(c)	– Kawasan tumbuh-tumbuhan semula jadi – Contoh : Hutan primer – Kawasan tanah tinggi – Kawasan hulu sungai	1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]
1(d) (i)	Berkelompok	1 [Maksimum: 1 markah]
1(d) (ii)	– Kemudahan infrastruktur – Contoh : Jalan raya dan sekolah – Taman perumahan	1 1 1 [Maksimum: 3 markah]

Soalan	Isi	Markah
1(e)	Wajar F1 Pembukaan kawasan baharu 1 H1 Aktiviti pertanian kerana tanah beralun dan tanah laterit bersaliran baik 1 C1 Ladang getah dan kelapa sawit 1 F2 Penerokaan kawasan hutan 1 H2 Aktiviti pembalakan sebagai sumber mentah untuk industri 1 C2 Mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk 1 F3 Penerokaan kawasan tinggi 1 H3 Aktiviti pelancongan untuk membina hotel dan resort 1 C3 Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat 1 F4 Pembinaan tapak perindustrian 1 H4 Diteroka untuk aktiviti perkilangan 1 C4 Kawasan tersebut sesuai untuk dijadikan tapak perindustrian dan menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk 1 [Pilih mana-mana 3]	1 [Maksimum: 3 markah]
	Tidak Wajar F1 Kepupusan 1 H1 Pembukaan kawasan untuk aktiviti pertanian, pembalakan, pelancongan dan perindustrian akan menyebabkan tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar sebagai habitat telah musnah menyebabkan berlaku kepupusan 1 C1 Ladang getah dan kelapa sawit 1 F2 Pencemaran alam sekitar 1 H2 Aktiviti pembalakan sebagai sumber mentah untuk industri 1 C2 Mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk 1 F3 Perubahan landskap 1 H3 Aktiviti pelancongan untuk membina hotel dan resort 1 C3 Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat 1 F4 Peningkatan suhu bumi 1 H4 Kehilangan hutan sebagai penyederhanaan suhu terjejas dengan pembinaan tapak perkilangan yang dibina menggunakan konkrit. 1 C4 Suhu di persekitaran akan meningkat kerana kehilangan kawasan hutan sebagai penyerap haba dan penyederhanaan suhu 1 F5 Hakisan 1 H5 Penerokaan kawasan hutan untuk aktiviti pertanian, pembalakan, pelancongan dan perindustrian. 1 C5 Kawasan baru diteroka menyebabkan berlaku kelonggaran struktur tanah dan menyebabkan hakisan 1 [Pilih mana-mana 3]	1 [Maksimum: 3 markah]

Soalan	Isi	Markah
2(a)	Tajuk : Migrasi Keluar Rakyat Malaysia Mengikut Negara Antara Tahun 2010 hingga 2020 Nota: Saiz sebenar graf telah dikecilkan untuk tujuan penerbitan. Saiz graf sebenar ialah 1 cm mewakili 10 ribu orang Paksi X Paksi Y Skala Petunjuk Plot (1 bar x 4)	1
2(b)	– Jumlah keseluruhan tahun 2010 dan tahun 2020 – Kadar peningkatan keseluruhan dalam tempoh 10 tahun – Jumlah emigrasi tahun 2020 – Jumlah emigrasi tahun 2010 – $341 \text{ ribu orang} - 256 \text{ ribu orang} = 85 \text{ ribu orang} / 75.1\%$ – Jumlah tertinggi migrasi keluar rakyat Malaysia – Jumlah terendah migrasi keluar rakyat Malaysia – Kesimpulan – faktor tarikan ke negara yang dituju [Pilih mana-mana 4]	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 7 markah] [Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
	Contoh Jawapan : Migrasi antarabangsa terdiri daripada dua jenis iaitu emigrasi dan imigrasi. Graf tersebut menggambarkan emigrasi iaitu perpindahan keluar penduduk atau rakyat Malaysia ke negara-negara seperti Australia, United Kingdom, Brunei dan New Zealand. Pola perubahan migrasi secara keseluruhan ialah 256 ribu orang pada tahun 2010 manakala 341 ribu orang pada tahun 2020. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan seramai 85 ribu orang atau 75.1 peratus. Jumlah emigrasi ke negara Australia menunjukkan jumlah tertinggi iaitu 130 ribu orang pada tahun 2010 dan 180 ribu orang yang menunjukkan peningkatan seramai 50 ribu orang dalam tempoh 10 tahun atau 72.2 peratus. Jumlah emigrasi yang terendah ialah ke negara New Zealand iaitu mencatatkan 16 ribu orang sahaja pada tahun 2010 dan 21 ribu orang pada tahun 2020. Kadar ini menunjukkan peningkatan seramai 5 ribu orang dalam tempoh 10 tahun. Kesimpulannya, pola perubahan migrasi keluar rakyat Malaysia sentiasa menunjukkan peningkatan bagi empat buah negara tersebut. Hal ini, terdapat faktor tarikan di negara-negara Australia, United Kingdom, Brunei dan New Zealand yang menunjukkan pola peningkatan dan faktor tolakan di Malaysia yang menyebabkan peningkatan migrasi keluar rakyat Malaysia ke negara-negara berkenaan.	
2(c)	– Peluang pekerjaan – Kadar upah yang tinggi – Peluang pendidikan yang luas – Kestabilan politik	1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
3(a)	(i) Bhutan (ii) India	1 1 [Maksimum: 2 markah]
3(b)	F1 Bentuk muka bumi bertanah pamah dan rata F2 Kawasan pertanian di Lembangan Indus-Ganges (India)	1 1 [Maksimum: 2 markah]
3(c)	F1 Pencemaran sumber alam F2 Pencemaran udara F3 Pencemaran air F4 Pencemaran bau [Pilih mana-mana 2]	1 1 1 1 [Maksimum: 2 markah]
3(d)	Wajar F1 Kawasan penduduk jarang dapat memelihara sumber alam kerana sumber alam tidak dibangunkan sepenuhnya. H1a Kawasan penduduk jarang membolehkan pemilikan tanah yang lebih luas H1b Mendorong peningkatan produktiviti per kapita C Contoh : sumber alam negara Bhutan masih terpelihara dan tidak dibangunkan sepenuhnya.	1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
	Tidak Wajar	1
	F1 Kawasan penduduk jarang menyebabkan tenaga kerja dan saiz pasaran yang kecil untuk memajukan ekonomi.	1
	H1a Kawasan penduduk jarang mempunyai pendapatan per kapita yang rendah	1
	H1b Tidak mendorong peningkatan pendapatan per kapita kerana hasil pendapatan dari sektor ekonomi tradisional seperti pertanian, penternakan dan perikanan	1
	C Contoh : Negara berpenduduk jarang seperti Mauritania dan mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan.	1
		[Maksimum: 4 markah]
4(a)	Peringkat Tengah	1
		[Maksimum: 1 markah]
4(b)	X: Likuan terpenggal/Tasik ladam	1
		[Maksimum: 1 markah]
4(c)	F1 Pertanian	1
	– Penggunaan racun serangga dan baja kimia	1
	– Bahan kimia tersebut dibawa ke sungai	1
	– Melalui air larian permukaan	1
	– Menyebabkan pencemaran sungai	1
	F2 Perindustrian	1
	– Sisa industri daripada kilang	1
	– Dibuang ke dalam sungai	1
	– Menyebabkan berlakunya pencemaran sungai	1
	F3 Penternakan	1
	– Kegiatan membuang sisa ternakan ke dalam sungai	1
	– Tanpa dirawat	1
	– Menyebabkan sumber air tercemar	1
	F4 Perlombongan	1
	– Aktiviti perlombongan emas, bauksit dan tembaga	1
	– Menyebabkan sungai berkelodak, berlumpur dan warna air bertukar menjadi keruh	1
	– Contoh : Sungai Balok (Pahang) tercemar akibat daripada aktiviti perlombongan bauksit	1
	F5 Urbanisasi	1
	– Pertambahan penduduk di kawasan bandar telah meningkatkan jumlah pembuangan sisa domestik ke dalam sungai	1
	– Contoh : Sungai Pinang (Pulau Pinang)	1
	F6 Pembangunan tanah	1
	– Kegiatan pembangunan tanah secara besar-besaran	1
	– Untuk aktiviti pertanian, pembalakan, perindustrian dan perlombongan	1
	– Menyebabkan sumber air tercemar	1
	– Kemerosotan kualiti air ini dikesan melalui kandungan pepejal terampai dan warna air yang semakin keruh.	1
	– Contoh : Sungai Raja Hitam, Manjung (Perak) tercemar akibat aktiviti pembangunan tanah untuk industri memproses kelapa sawit.	1
	[Pilih mana-mana 4]	[Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
4(d)	F1 Penguatkuasaan Undang-undang	1
	– Penguatkuasaan undang-undang perlu dikuatkuasakan.	1
	– Langkah ini dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.	1
	– Contoh : JAS perlu mengenakan denda dan kompaun yang tinggi terhadap pihak yang mencemarkan sungai.	1
	F2 Perangkap Sampah	1
	– Perangkap sampah diletakkan di sungai membolehkan sampah di dalam sungai dapat dikumpul secara teratur dan dibuang secara sistematik.	1
	– Contoh : Perangkap sampah dipasang di Sungai Klang (Selangor).	1
	F3 Rawatan Sumber Air Sungai	1
	– Air sungai yang telah tercemar perlu dirawat dengan segera.	1
	– Langkah ini boleh dilaksanakan dengan usaha sama antara pihak kerajaan dan swasta.	1
5(a)	– Contoh : Pihak kerajaan bekerjasama dengan pihak swasta untuk merawat sumber air Sungai Kim Kim, Pasir Gudang (Johor) yang telah tercemar	1
	F4 Kempen Kesedaran Alam Sekitar	1
	– Kempen kesedaran alam sekitar dilaksanakan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan sungai.	1
	– Contoh : Kempen “Cintailah Sungai Kita” pertama kali telah dilancarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) pada tahun 1993.	1
	F5 Pendidikan Alam Sekitar	1
	– Pendidikan tentang penjagaan alam sekitar diterapkan dalam sistem pendidikan sekolah di Malaysia	1
	– Contoh : mata pelajaran Geografi.	1
	– Pendidikan kesedaran terhadap alam sekitar boleh mengekalkan kehidupan yang harmoni dan dapat bersama-sama memelihara kualiti alam sekitar secara berterusan.	1
	[Pilih mana-mana 4]	[Maksimum: 4 markah]
5(a)	Gelongsoran Tanah / Tanah Runtuh	1
	[Pilih mana-mana 1]	[Maksimum: 1 markah]
5(b)	F1 Ketinggian cerun	1
	– Kawasan tanah tinggi yang bercerun curam sering mengalami gerakan jisim.	1
	– Di kawasan bercerun curam dengan struktur tanah yang longgar lebih berisiko mengalami kejadian tanah runtuh.	1
	F2 Ketinggian cerun	1
	– Aktiviti pemotongan cerun untuk pembinaan jalan raya dan lebuh raya menyebabkan cerun semakin curam, struktur tanah longgar dan tidak stabil.	1
	– Keadaan ini menyebabkan kejadian tanah runtuh mudah berlaku.	1
	– Contoh : Kejadian gelongsoran tanah di Bukit Kukus (Pulau Pinang) pada tahun 2018.	1
	[Pilih mana-mana 2]	[Maksimum: 2 markah]
5(c)	Kesan Kepada Manusia	
	F1 Mengorbankan nyawa	1
	– Aliran lumpur dan tanah runtuh boleh mengancam dan mengorbankan nyawa.	1
	– Keadaan ini berlaku apabila mangsa tertimbus semasa berlaku aliran lumpur dan tanah runtuh.	1
	– Contoh : Aliran lumpur yang berlaku di Hanoi (Vietnam) pada Ogos 2017 menyebabkan 26 orang terkorban dan 27 orang lagi cedera.	1

Soalan	Isi	Markah
	F2 Memusnahkan harta benda dan infrastruktur – Penduduk yang terlibat dengan kejadian aliran lumpur dan tanah runtuh akan mengalami kemusnahan harta benda seperti rumah, kenderaan dan sebagainya. – Kemudahan infrastruktur juga akan musnah seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik. – Contoh : Tanah runtuh yang berlaku pada Januari 2017 di Jalan Sabuk Merah (Timor Leste) telah menyebabkan kerosakan jalan raya yang teruk.	1 1 1 1
	F3 Kemusnahan tanaman – Kawasan yang terlibat dengan aliran lumpur dan tanah runtuh juga akan mengalami kemusnahan tanaman. – Keadaan ini menyebabkan kawasan pertanian musnah dan petani terpaksa menanggung kerugian. – Contoh : Kemusnahan tanaman di daerah Sigi, Sulawesi Tengah (Indonesia) pada Oktober 2018.	1 1 1 1
	F4 Kesesakan lalu lintas – Kesan aliran lumpur dan tanah runtuh turut menyebabkan kesesakan lalu lintas. – Mendapan lumpur dan tanah yang melimpah di atas jalan raya akan menghalang laluan trafik. – Contoh : Banjir lumpur di Jalan Seremban-Kuala Pilah pada April 2018 menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk.	1 1 1 1
	F5 Menjejaskan aktiviti manusia – Aliran lumpur dan tanah runtuh telah menjejaskan aktiviti manusia seperti pembinaan, pertanian dan perlombongan. – Kemusnahan akibat tanah runtuh memerlukan kos yang tinggi bagi proses baik pulih. – Contoh : Tanah runtuh di lombong jed Kachin (Myanmar) pada April 2019.	1 1 1 1
	Kesan Kepada Alam Sekitar	
	F1 Pencemaran air – Aliran lumpur dan tanah runtuh menyebabkan pencemaran air. – Aktiviti penebangan hutan, penarahan lereng bukit untuk pertanian dan perlombongan menyebabkan tanah dihakis masuk ke dalam sungai sehingga mengakibatkan air sungai menjadi keruh dan tercemar. – Contoh : Perlombongan bauksit di lereng bukit menyebabkan pencemaran air di Sungai Balok (Kuantan) pada tahun 2018.	1 1 1 1
	F2 Kepupusan flora dan fauna – Tanah runtuh akan menyebabkan kepupusan flora dan fauna. – Flora dan fauna yang berada di kawasan tanah runtuh akan tertimbus bersama-sama tanah dan mengakibatkan kemusnahan spesies tersebut. – Contoh : Pokok periuk kera, bunga Rafflesia dan senduduk. Manakala haiwan yang terjejas seperti badak Sumatera, tapir dan gajah.	1 1 1 1
	F3 Perubahan landskap – Aliran lumpur dan tanah runtuh akan menyebabkan perubahan landskap kepada sesuatu kawasan. – Landskap asal seperti hutan dan kawasan pertanian akan berubah menjadi landskap yang baharu akibat kejadian aliran lumpur dan tanah runtuh. – Contoh : Kawasan pertanian yang subur di kaki Gunung Mayon (Filipina) bertukar menjadi kawasan berlumpur selepas aliran lumpur melanda kawasan tersebut pada Januari 2018.	1 1 1 1

Soalan	Isi	Markah
5(d)	F Kemusnahan habitat flora dan fauna – Habitat flora dan fauna turut musnah sekiranya berlaku tanah runtuh – Apabila berlaku tanah runtuh, timbunan tanah dan lumpur akan memusnahkan habitat flora dan fauna yang terdapat di situ. – Contoh : Kejadian tanah runtuh di Genting Highlands pada April 2018. [Pilih mana-mana 4]	1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]
	F1 Memusnahkan harta benda dan infrastruktur – Menanam tanaman tutup bumi di cerun bukit untuk menstabilkan cerun. – Tanaman tutup bumi dapat mencengkam tanah dan mengurangkan pergerakan jisim. – Contoh : Menanam rumput dan kekacang di cerun bukit sekitar Lebu Raya Utara Selatan.	1 1 1
	F2 Teres bukit – Membuat teres bukit berupaya mengurangkan proses gerakan jisim. Aktiviti pertanian secara berteres di kawasan cerun bukit dapat mengelakkan hakisan tanah, tanah runtuh dan aliran lumpur. – Contoh : teres bukit bagi pertanian padi di Pulau Jawa (Indonesia).	1 1 1
	F3 Membina gabion – Gabion ialah struktur yang dibina daripada susunan batu-batu bersaiz di antara 6 inci hingga 9 inci yang disusun dalam jejaring dawai dan disalut dengan PVC. – Gabion dibina untuk menghalang tanah runtuh daripada memasuki jalan. – Contoh : gabion dibina di jalan berbukit di Bukit Setiawangsa, Kuala Lumpur.	1 1 1 1
	F4 Sungkupan plastik – Sungkupan plastik ialah proses menutup permukaan tanah menggunakan plastik. – Sungkupan plastik diletakkan pada cerun yang curam bagi mengelakkan air hujan menyusup masuk ke dalam tanah dan menyebabkan tanah runtuh. – Contoh sungkupan plastik di Bukit Kanada, Miri (Sarawak).	1 1 1 1
	F5 Membina sistem perparitan – Membina sistem perparitan di setiap teres di lereng bukit yang curam mengikut garis konturnya merupakan satu langkah baik. – Pembinaan perparitan dapat mengatasi masalah air bertakung dan susupan air ke dalam tanah dan mengurangkan risiko gerakan jisim. – Contoh sistem perparitan di Lebu Raya Timur Barat yang menghubungkan Gerik-Jeli.	1 1 1 1
	F6 Penyimenan cerun – Gerakan jisim dapat dikurangkan melalui penyimenan cerun. – Permukaan cerun bukit disimen dan dibuat lubang bagi mengawal aliran dan susupan air ke dalam tanah. – Kaedah ini menjadikan cerun bukit lebih stabil. – Contoh penyimenan cerun di Bukit Permai, Ampang Jaya (Selangor).	1 1 1 1 1
	F7 Kempen kesedaran alam sekitar – Kempen kesedaran alam sekitar dapat menyedarkan masyarakat tentang pentingnya pengurusan kawasan cerun dengan berkesan. – Kempen ini boleh dijalankan melalui pelbagai cara iaitu media massa, ceramah, risalah dan sebagainya. – Contoh kempen penjagaan cerun yang dianjurkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) di Kota Belud (Sabah) pada Oktober 2017 [Pilih mana-mana 3]	1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]

Bahagian C

Soalan	Isi	Markah
6(a)	 : Iklim Tundra	1
	 : Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat	1
	 : Iklim Gurun Panas	1
	 : Iklim Khatulistiwa	1
		[Maksimum: 4 markah]
6(b)	F1 Kegiatan Pertanian	1
	H1a Iklim Khatulistiwa mempunyai ciri-ciri iklim yang panas dan lembap sepanjang tahun membolehkan pelbagai jenis tanaman ditanam. Kegiatan pertanian dapat diusahakan hampir sepanjang tahun.	1
	H1b Manakala ciri Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat ialah musim panas sederhana panas dengan suhu 16°C dan musim sejuk sederhana sejuk dengan suhu 5°C, menggalakkan kegiatan pertanian.	1
	C1 – Penanaman teh, buah-buahan dan sayur-sayuran di Cameron Highlands dan Kundasang	1
	– Penanaman gandum, barli, ubi kentang dan bit gula di Kepulauan British (Eropah Barat Laut).	1
	F2 Kegiatan Pelancongan	1
	H2a Cuaca yang panas dan lembap serta pancaran matahari sepanjang tahun menarik minat pelancong antarabangsa berkunjung ke Malaysia.	1
	H2b Antara tarikan pelancong ke Malaysia ialah kawasan tanah tinggi yang bersuhu sederhana dan udara yang nyaman seperti Genting Highlands, Bukit Fraser serta Cameron Highlands, Pahang dan Gunung Kinabalu, Sabah.	1
	H2c Pantai dan pulau juga menarik perhatian pelancong seperti Pantai Damai, Sarawak, Port Dickson, Negeri Sembilan, Pulau Tioman, Pahang dan Pulau Langkawi, Kedah.	1
	H2d Dasar laut yang terdapat batu karang pula menarik perhatian pelancong untuk melakukan aktiviti menyelam skuba seperti di Pulau Sipadan, Sabah dan Pulau Redang, Terengganu.	1
	H2e Kawasan pergunungan Banjaran Alps, Switzerland di pedalaman Eropah Barat bersuhu rendah dan bersalji.	1
	H2f Antara lokasi tarikan pelancong utama ialah Gunung Matterhorn, Puncak Eiger Monch dan Jungfrau menjadi ‘Mahkota Pelancongan’ bagi Switzerland.	1
	H2g Sukan luncur ais dan terjun bebas dari tebing tinggi menggunakan payung terjun menjadi tarikan pelancong pada musim sejuk.	1
	H2h Pada musim panas, pelancong mengunjungi kawasan pergunungan di Banjaran Alps untuk menikmati pemandangan glasier.	1
	C2 Pelancongan Tanah Tinggi, Pantai, Pulau, Dasar Laut di Iklim Khatulistiwa dan Banjaran Alps, Pelancongan Tanah Tinggi, Sukan Luncur di Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat	1
	F3 Kegiatan Pembalakan	1
	H3a Cuaca yang panas dan lembap serta pancaran matahari sepanjang tahun menggalakkan pertumbuhan hutan hujan tropika dan hutan paya bakau.	1
	H3b Kawasan hutan ini membekalkan sumber balak kayu keras yang berkualiti seperti cengal, meranti dan merbau.	1
	H3c Pembalakan tidak dapat dijalankan ketika musim hujan kerana jalan licin dan berbahaya kepada pembalak.	1
	H3d Kawasan British Columbia di Kanada mempunyai kawasan hutan konifer di kawasan tanah tinggi dan hutan daun luruh di kawasan tanah pamah.	1

Soalan	Isi	Markah
6(c)	H3e Kawasan hutan ini menghasilkan balak jenis kayu lembut seperti pain, birch dan sprus untuk industri kertas dan pulpa.	1
	H3f Pembalakan dijalankan pada musim sejuk kerana getah pokok membeku.	1
	H3g Keadaan tanah beku serta licin memudahkan balak ditarik ke tebing sungai untuk dihanyutkan ke kilang.	1
	C3 Pembalakan pada musim panas di Iklim Khatulistiwa dan pembalakan pada musim sejuk di Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat.	1
	[Pilih mana-mana 8]	[Maksimum: 8 markah]
	F1 Kesan Rumah Hijau	1
	H1a Kenaikan aras air laut berlaku kerana pencairan ais di kawasan Artik kesan daripada peningkatan suhu yang boleh menyebabkan banyak pulau kecil tenggelam.	1
	H1b Pengeluaran hasil pertanian terjejas kerana perubahan suhu mengganggu pembentukan hujan	1
	H1c Kemarau di kawasan tertentu dan perluasan kawasan gurun terjadi.	1
	H1d Menjejaskan ekosistem dalam rantai makanan kerana tumbuh-tumbuhan tertentu mati akibat perubahan cuaca.	1
	C1 Kegiatan manusia yang menyebabkan gas-gas rumah hijau di atmosfera bumi meningkat dan menyekat haba daripada mudah terbebas.	1
	F2 Jerebu	1
	H2a Aktiviti hari terjejas	1
	H2b Jadual penerbangan terganggu.	1
	H2c Mengurangkan jarak penglihatan.	1
	H2d Sakit mata, sakit tekak, batuk dan sesak nafas.	1
	H2e Kegiatan ekonomi seperti pelancongan terganggu.	1
	C2 Kegiatan manusia di kawasan perindustrian dan kawasan berpenduduk padat yang menyebabkan keadaan ruang udara berkabut dengan debu, asap, abu, gas dan pepejal terampai.	1
	F3 Pulau Haba	1
	H3a Kos utiliti bertambah kerana peningkatan penggunaan tenaga untuk menyejukkan ruang.	1
	H3b Penduduk menjadi tidak selesa.	1
	H3c Menjejaskan kesihatan penduduk bandar.	1
	H3d Peningkatan suhu di kawasan bandar.	1
	C3 Keadaan suhu di kawasan pusat bandar adalah lebih tinggi daripada kawasan sekitarnya disebabkan oleh pelbagai aktiviti manusia di kawasan bandar.	1
	F4 Hujan Asid	1
	H4a Struktur bangunan dan kenderaan berasaskan besi akan berkarat serta melunturkan cat apabila terdedah kepada hujan asid.	1
	H4b Aktiviti pertanian terjejas kerana tanah berasid apabila air hujan meresap ke dalam tanah.	1
	H4c Golongan berisiko seperti warga tua mudah terdedah kepada penyakit kulit, gangguan pernafasan dan penyakit mata.	1
	H4d Pencemaran air menyebabkan PH air berubah dan menjejaskan hidupan akuatik.	1
	C4 Aktiviti manusia yang mempengaruhi hujan asid seperti aktiviti pertanian, pembakaran terbuka, penggunaan bahan api fosil, pembebasan gas-gas daripada asap kenderaan dan sektor perindustrian.	1
	[Pilih mana-mana 8]	[Maksimum: 8 markah]

Soalan	Isi	Markah
7(a)	F1 Hubungan perdagangan	1
	H1a Kerjasama antara tiga negara berjiran.	1
	C1a – IMT-GT (Kerjasama segi tiga pertumbuhan Indonesia, Malaysia, Thailand)	1
	– IMS-GT (Kerjasama segi tiga pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Singapura)	1
	H1b Kerjasama dua hala	1
	C1b – Perdagangan antara dua negara sahaja.	1
	– Malaysia dengan Jepun	1
	– Malaysia dengan Amerika Syarikat	1
	H1c Kerjasama pelbagai hala	1
	C1c – Perdagangan dengan beberapa negara atau kumpulan negara.	1
	– Malaysia dengan ASEAN	1
	– ASEAN dengan negara luar	1
	H1d Kerjasama serantau	1
	C1d – Perdagangan antara negara serantau.	1
	– ASEAN (Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara)	1
	– APEC (Kerjasama Ekonomi Negara-negara Asia Pasifik)	1
	– EU (Kesatuan Eropah)	1
	H1e Kerjasama sedunia	1
	C1e – Perdagangan antara negara di seluruh dunia.	1
	– WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia)	1
	– OIC (Pertubuhan Negara Islam)	1
	– NAM (Pertubuhan Negara Berkecuali)	1
	H1f Kerjasama kumpulan negara	1
	C1f – Perdagangan dalam kalangan negara yang sama aras pembangunan.	1
	– G7 (Kumpulan tujuh negara peneraju industri dunia)	1
	– G15 (Kumpulan 15 negara membangun)	1
	F2 Pemindahan teknologi	1
	C2 Pembelian terus / Pembelian ekuiti / Pembelian paten dan tanda dagangan / Perjanjian perlesenan / Aliran sumber manusia / Latihan ke luar negara / Penempatan pegawai dagang	1
	F3 Pelaburan modal	1
	H3a Pelaburan ekuiti - pelabur asing memiliki saham dalam syarikat tempatan	1
	H3b FDI - pelabur asing melabur secara langsung di Malaysia	1
	C3a Contohnya : UMW Corporation dan Toyota dalam Perodua dan Geely Holding Group dalam Proton.	1
	C3b Contohnya : pelaburan oleh Tokuyama (Jepun) di Sarawak, Western Digital (Amerika Syarikat) di Pulau Pinang dan Samsung (Korea) di Negeri Sembilan.	1
	F4 Pasaran	1
	H4 Pasaran barangan dalam kalangan negara di dunia semakin luas melalui kerjasama ekonomi antarabangsa. Negara-negara yang bekerjasama dapat meluaskan pasaran eksport barangan keluaran negara masing-masing.	1
	C4 Contohnya : Malaysia dapat memasarkan barangan ke negara lain melalui kerjasama dua hala, kerjasama serantau dan kerjasama sedunia.	1
	F5 Buruh asing	1
	H5 Kerjasama antarabangsa memudahkan kemasukan buruh asing ke sesebuah negara bagi menampung kekurangan tenaga buruh tempatan dalam pelbagai sektor.	1
	C5a Malaysia mendapat buruh mahir untuk berkhidmat dalam sektor perlombongan, perubatan	1
	C5b Ada juga buruh mahir dari Malaysia bekerja di luar negara dan lain-lain.	1
	C5c Malaysia turut menerima buruh tidak mahir dari Indonesia, Bangladesh dan Nepal untuk bekerja dalam sektor perkilangan, pembinaan dan perladangan.	1

Soalan	Isi	Markah
7(b)	F6 Bahan mentah	1
	H6 Malaysia kaya dengan pelbagai bahan mentah. Bahan mentah ini berpotensi dieksport ke negara lain melalui kerjasama ekonomi.	1
	C6 Contohnya : barangan yang diperlukan oleh Malaysia seperti bijirin, hasil tenusu dan daging dapat diimport dari negara lain dengan mudah.	1
	[Pilih mana-mana 6]	[Maksimum: 6 markah]
	F1 Bahan mentah penting untuk perindustrian.	1
	H1 Gas asli digunakan untuk industri membuat bahan bakar kenderaan dan baja urea	1
	C1 Gas Asli	1
	F2 Sumber bahan mentah yang banyak dan pelbagai menggalakkan perkembangan perindustrian.	1
	H2 Industri membuat keropok dan ikan masin	1
	C2 Perikanan	1
	F3 Bahan mentah penting untuk perindustrian.	1
	H3 Industri pancalogam	1
	C3 Bijih Timah	1
	F4 Bahan mentah penting untuk perindustrian	1
	H4 Bahan mentah untuk industri polimer, cat, minyak pelincir dan industri pengangkutan	1
	C4 Petroleum	1
	[Pilih mana-mana 6]	[Maksimum: 6 markah]
	F1 Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)	1
	H1a Dilakukan sebelum kegiatan ekonomi dijalankan di sesuatu kawasan aktiviti pembalakan, pembinaan resort dan pembinaan infrastruktur.	1
	H1b Membolehkan impak ke atas alam sekitar dikenal pasti dan langkah-langkah kawalan dapat dilaksanakan.	1
7(c)	F2 Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)	1
	H2a Dapat mengurangkan kesan buruk kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	1
	H2b Antara undang-undang yang dikuatkuasakan di Malaysia ialah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,	1
	H2c Akta Perhutanan Negara 1984 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Sisa Buangan Industri) 1979.	1
	H2d Agensi penguatkuasaan undang-undang ialah Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan.	1
	F3 Kempen Kesedaran Alam Sekitar	1
	H3a Dijalankan untuk menyedarkan orang ramai agar tidak mencemarkan alam sekitar.	1
	H3b Kempen dianjurkan oleh badan kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pertanian dan Jabatan Perhutanan.	1
	H3c Kempen juga dijalankan oleh organisasi bukan kerajaan (NGO) seperti Sahabat Alam Malaysia (SAM), Tabung Alam Sedunia (WWF) dan Malaysian Nature Society (MNS).	1
	H3d Kempen kesedaran alam sekitar juga disebarkan melalui media sosial dan Internet.	1
	F4 Pendidikan Alam Sekitar	1
	H4a Dapat mewujudkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan usaha memelihara alam sekitar.	1
	H4b Pendidikan boleh dilaksanakan bermula dari sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.	1
	H4c Pendidikan Alam Sekitar diintegrasikan ke dalam subjek-subjek tertentu di sekolah	1

Soalan	Isi	Markah
	F5 Penggunaan Teknologi Hijau H5 Teknologi hijau ialah teknologi yang mesra alam dan kurang mencemarkan alam sekitar. C5 Contoh : Penggunaan teknologi hijau termasuklah penggunaan sumber tenaga boleh baharu seperti tenaga suria dan penggunaan jentera biodiesel yang kurang mencemarkan alam sekitar. F6 Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) H6 Dijalankan untuk menghasilkan teknologi yang tidak mencemarkan alam sekitar. C6 Contohnya : Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) menjalankan kajian untuk menghasilkan baja organik dan kaedah biologi dalam pertanian. F7 Kitar Semula H7 Bertujuan menjimatkan penggunaan sumber seterusnya mengurangkan pencemaran alam sekitar. C7 Contohnya kitar semula tin aluminium dan barangan logam dapat menjimatkan penggunaan logam serta mengelakkan kepupusan sumber. F8 Penghutan Semula H8a Kawasan hutan yang diteroka dalam kegiatan pembalakan ditanam semula dengan pokok baharu yang bermutu tinggi dan cepat tumbuh. H8b Penanaman semula pokok selepas aktiviti pembalakan dapat mengurangkan hakisan dan menjamin bekalan kayu-kayan pada masa depan. [Pilih mana-mana 8]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 8 markah]
8(a)	F1 Agropelancongan H1 Aktiviti pelancongan berasaskan pertanian, petempatan nelayan, menyelami kehidupan masyarakat luar bandar seperti aktiviti inap desa C1 Kg. Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan F2 Ekopelancongan H2 Menikmati keindahan alam semula jadi seperti pulau, pantai, tasik, gua, air terjun, hutan dan tanah tinggi C2 Gua Niah, Sarawak F3 Pelancongan budaya dan warisan H3 Melawat tempat-tempat yang mempunyai keunikan budaya dan warisan sejarah masyarakat dan negara seperti C3 Bandar Hilir Melaka, Melaka F4 Pelancongan kapal H4 Melancong dengan menaiki kapal mewah menyusuri sungai atau laut sambil menikmati keindahan pesisir pantai dan laut, C4 Star Cruise dan Star Leo F5 Pelancongan sukan dan rekreasi H5 Melancong sambil menyaksikan atau mengambil bahagian dalam sukan berprestij dan bertaraf antarabangsa C5 LIMA di Langkawi, Kedah dan Le Tour de Langkawi F6 Perkhidmatan Pengangkutan H6 Pengangkutan air menggunakan laut untuk mengambil bahagian dalam sukan berprestij dan bertaraf antarabangsa C6 Contohnya : Kapal, feri dan bot untuk mengangkut pelancong untuk ke kawasan ini F7 Perniagaan Runcit H7 Jualan dalam kuantiti yang kecil untuk keperluan pelancong C7 Contohnya : Gera, kedai runcit dan pasar mini [Pilih mana-mana 6]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 6 markah]

Soalan	Isi	Markah
8(b)	F1 Pembinaan Hotel dan Resort di Kawasan Pinggir Pantai	1
	H1a Hakisan pantai berlaku disebabkan pembinaan bangunan hotel dan resort serta sistem pengangkutan.	1
	H1b Gangguan ekosistem disebabkan kerosakan ekologi pantai dan habitat hidupan.	1
	H1c Perubahan landskap daripada kawasan hutan pantai kepada landskap baru seperti bangunan hotel dan kolam renang.	1
	C1 Contohnya : Pantai Port Dickson, Negeri Sembilan dan Pantai Daytona, Florida di Amerika Syarikat.	1
	F2 Pembuangan Bahan Kumbahan dan Sisa Makanan	1
	H2a Pencemaran air laut dan sungai berlaku disebabkan penyaliran sisa kumbahan dari hotel dan resort.	1
	H2b Pembuangan sisa makanan secara tidak sistematik mencemarkan air dan boleh mengancam hidupan akuatik.	1
	C2 Contohnya : Pulau Pangkor di Malaysia, Pulau Bali di Indonesia dan Pulau Boracay di Filipina	1
	[Pilih mana-mana 6]	[Maksimum: 6 markah]
8(c)	F1 Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)	1
	H1a Dilakukan sebelum kegiatan ekonomi dijalankan di sesuatu kawasan aktiviti pembalakan, pembinaan resort dan pembinaan infrastruktur.	1
	H1b Membolehkan impak ke atas alam sekitar dikenal pasti dan langkah-langkah kawalan dapat dilaksanakan.	1
	F2 Penguatkuasaan Undang-undang	1
	H2a Dapat mengurangkan kesan buruk kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	1
	H2b Antara undang-undang yang dikuatkuasakan di Malaysia ialah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,	1
	H2c Akta Perhutanan Negara 1984 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Sisa Buangan Industri) 1979.	1
	H2d Agensi penguatkuasaan undang-undang ialah Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan.	1
	F3 Kempen Kesedaran Alam Sekitar	1
	H3a Dijalankan untuk menyedarkan orang ramai agar tidak mencemarkan alam sekitar.	1
	H3b Kempen dianjurkan oleh badan kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pertanian dan Jabatan Perhutanan.	1
	H3c Kempen juga dijalankan oleh organisasi bukan kerajaan (NGO) seperti Sahabat Alam Malaysia (SAM), Tabung Alam Sedunia (WWF) dan Malaysian Nature Society (MNS).	1
	H3d Kempen kesedaran alam sekitar juga disebarkan melalui media sosial dan Internet.	1
	F4 Pendidikan Alam Sekitar	1
	H4a Dapat mewujudkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan usaha memelihara alam sekitar.	1
	H4b Pendidikan boleh dilaksanakan bermula dari sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.	1
	H4c Pendidikan Alam Sekitar diintegrasikan ke dalam subjek-subjek tertentu di sekolah.	1
	F5 Penggunaan Teknologi Hijau	1
	H5 Teknologi hijau ialah teknologi yang mesra alam dan kurang mencemarkan alam sekitar.	1
	C5 Contoh : Penggunaan teknologi hijau termasuklah penggunaan sumber tenaga boleh baharu seperti tenaga suria dan penggunaan jentera biodiesel yang kurang mencemarkan alam sekitar.	1

Soalan	Isi	Markah
	F6 Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) 1 H6 Dijalankan untuk menghasilkan teknologi yang tidak mencemarkan alam sekitar. 1 C6 Contohnya : Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) menjalankan kajian untuk menghasilkan baja organik dan kaedah biologi dalam pertanian. 1 F7 Kitar Semula 1 H7 Bertujuan menjimatkan penggunaan sumber seterusnya mengurangkan pencemaran alam sekitar. 1 C7 Contohnya kitar semula tin aluminium dan barangan logam dapat menjimatkan penggunaan logam serta mengelakkan kepupusan sumber. 1 F8 Penghutan Semula 1 H8a Kawasan hutan yang diteroka dalam kegiatan pembalakan ditanam semula dengan pokok baharu yang bermutu tinggi dan cepat tumbuh. 1 H8b Penanaman semula pokok selepas aktiviti pembalakan dapat mengurangkan hakisan dan menjamin bekalan kayu-kayuan pada masa depan. 1 [Pilih mana-mana 8]	[Maksimum: 8 markah]
